

27 MAY 1998

Pilihan Raya

SHAHIDAN AKAN TEMUI DR MAHATHIR BERHUBUNG PILIHANRAYA KECIL

KANGAR, 27 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh seminggu ini berhubung dengan kemungkinan pilihanraya kecil Parlimen kawasan Arau.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, akan juga menemui Speaker Dewan Rakyat berkaitan perkara yang sama.

Kerusi parlimen Arau kini kosong berikutan kematian Kamarudin Ahmad, 49, yang diserang angin ahmar kira-kira pukul 8 malam Isnin lalu.

"Saya akan bertemu Perdana Menteri dan Speaker Dewan Rakyat dalam tempoh seminggu ini," katanya kepada Bernama ketika diminta mengulas mengenai perkara itu malam tadi.

Shahidan berkata, sama ada pilihan raya itu perlu diadakan atau sebaliknya bergantung kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Mengikut prosedur, Speaker Dewan Rakyat akan memaklumkan kepada SPR mengenai kematian anggota Parlimen itu.

"Pada pandangan peribadi saya, dalam keadaan kegawatan ekonomi ini, pilihan raya kecil tidak perlu diadakan," kata Shahidan.

Timbalan Setiausaha SPR, Noh Jaafar dilaporkan sebagai berkata bahawa pilihan raya kecil Parlimen Arau perlu diadakan kerana kekosongannya berlaku lebih sedikit daripada dua tahun sebelum tarikh pembubaran Parlimen.

Tempoh itu dikira dari tarikh persidangan pertama Dewan Rakyat pada 14 Jun 1995 dan tidak dikira dari tarikh pilihan raya umum diadakan pada April tahun yang sama.

-- BERNAMA

AD WAT